

# Warga UMS zahir ucapan takziah kepada keluarga mendiang Pro Canselor UMS

KOTA KINABALU: Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) menzahirkan ucapan takziah kepada Puan Sri Tan Kai Yong dan keluarga atas pemergian mendiang Tan Sri (Dr.) Yeoh Tiong Lay (*gambar*) yang meninggal dunia pada Rabu.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dalam suatu kenyataan berkata, pemergian Tan Sri Yeoh amat dirasai oleh warga UMS khususnya kerana selain menjadi Pro Canselor UMS, mendiang juga banyak memberikan sumbangan dana bagi membantu pembangunan dan penyelidikan universiti serta biasiswa YTL kepada pelajar pascasiswazah.

“Antara legasi beliau adalah pembinaan bangunan Yayasan UMS, yang mana beliau turut

menyumbangkan dana sebanyak RM3 juta bagi menyempurnakan bangunan itu.

“Auditorium YTL di bangunan Yayasan UMS juga telah menjadi lokasi pengajuran pelbagai siri persidangan serta seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa, selari dengan hasrat beliau yang mahukan bangunan itu menjadi medan perbahasan ilmiah dan pencetusan idea baharu dalam pelbagai bidang kepakaran,” katanya.

Sidang Konvokesyen UMS juga katanya, bakal merasai kehilangan mendiang yang saban tahun sentiasa komited menggalas tanggungjawab sebagai Pro Canselor UMS bagi menyampaikan skrol ijazah kepada graduan UMS.

“Bagi seluruh warga kakitangan dan siswa-siswi



UMS, saya merakamkan ucapan takziah kepada Puan Sri Tan Kai Yong dan keluarga atas pemergian mendiang Tan Sri Yeoh.

“Sesungguhnya, UMS amat merasai kehilangan seorang tokoh pemimpin yang komited dan bersifat dermawan,” katanya.